

HARI HUTAN ANTARABANGSA 2017  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tempat: TAMAN REKREASI HUTAN BERAKAS  
Tarikh: HARI SELASA, 22 JAMADILAKHIR 1438H  
BERSAMAAN 21HB MAC 2017M

---

Press Release

**Berakas, Brunei Darussalam, 21hb Mac 2017.** Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa 2017 dengan tema **Forests and Energy: Nature's Powerhouse**. Majlis ini diadakan di Taman Rekreasi Hutan Berakas. Hadir di Majlis tersebut dan seterusnya melancarkan sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2017 ialah Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diungkayahkan oleh Jabatan Perhutanan pada tahun ini bukanlah semata-mata untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan dari segi pemuliharaan sahaja bahkan juga untuk kepada lapisan masyarakat secara umumnya akan faedah-faedah hutan yang dapat diraih sebagai sumber tenaga asli dari alam semulajadi (renewable energy resources). Ini adalah bertepatan dengan tema Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada tahun ini iaitu Forests and Energy: Nature's Powerhouse.

Tema ini juga berdasarkan kepada tema sambutan antarabangsa yang mana ianya mengetengahkan dan memfokuskan kepada peranan hutan kepada kitaran tenaga dalam ekosistem. Kita sedia maklum, hutan meliputi berbagai tumbuh-tumbuhan flora dan fauna hutan yang kaya di negara ini melalui empat aspek iaitu:

“Penganjuran Hari Hutan Antarabangsa 2017 diselitkan dengan acara Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Jabatan Perhutanan (JPB-JPH), Persembahan Koir, Sesi Bergambar Ramai dan Aktiviti Cabaran Rimbawan. Acara sampingan ini ialah semata-mata bagi menambah kemeriahan sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini”

- I. *Provisioning* aspek iaitu memfokus kepada manfaat sumber makanan dan perubatan.
- II. *Regulating* aspek iaitu memfokus kepada kesinambungan iklim dan kitaran air

- III. *Supporting* aspek iaitu lebih berperanan dalam kitaran nutrien dan agen polinasi bagi keseimbangan ekosistem.
- IV. *Cultural* aspek iaitu aspek lebih menyumbangkan dalam kesejahteraan rohani dan nilai rekreatif.

Melihat kepada manfaat-manfaat ini, Jabatan Perhutanan selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas sumber-sumber hutan mengalu-alukan mana-mana pengusaha yang berminat untuk membuat pelaburan dalam sektor industri perkayuan dan nilai tambah negara.

Sejajar dengan pelan strategik Jabatan Perhutanan iaitu untuk meningkatkan pertumbuhan industri hutan dan seterusnya membantu meningkatkan ekonomi secara keseluruhan sama ada melalui pemprosesan, perdagangan dan pelaburan dalam sektor ini.

Tema ini juga menekankan kepentingan pengurusan hutan yang lestari yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan bagi meraih peluang-peluang secara berterusan dan mempertahankan peranannya dimasa yang akan datang demi kesejahteraan rakyat dan negara secara berterusan. Seterusnya meningkatkan kesedaran awam akan kepentingan hutan kepada masyarakat umum serta pihak yang berkepentingan, secara langsung menanamkan perasaan tanggungjawab dalam sama-sama melindungi dan mengekalkan sumber khazanah hutan Negara Brunei Darussalam.

Bagi menjayakan acara sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2017 pada tahun ini, acara diselitkan dengan Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Jabatan Perhutanan (JPB-JPH), Persembahan Koir, Sesi Bergambar Ramai dan Aktiviti Cabaran Rimbawan. Yang mana pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan berserta jemputan yang hadir akan ikut serta di dalam aktiviti cabaran ini. Acara sampingan ini ialah semata-mata bagi menambah kemeriahan sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini.

Majlis Pelancaran Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2017 ini turut dihadiri oleh 24 Syarikat Kilang Papan, 6 Pemegang Permit Jabatan Perhutanan, Syarikat Tri-Sun (B) Sdn Bhd dan Syarikat Arang 88 serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan. Anggaran jemputan adalah kira-kira seramai 250 orang.

---ooOoo---